

Tahun 2015 telah pun berlalu, pada kesempatan ini, masih belum terlewat untuk saya serta barisan dan pucuk pimpinan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) untuk mengucapkan "Selamat Tahun Baru 2016" kepada semua rakan-rakan NGO Kesihatan, jabatan, agensi-agensi dan kepada semua rakyat Malaysia.

Tahun 2015 telah kita tinggalkan dengan melakarkan pelbagai peristiwa dan sejarah, sama ada yang manis ataupun pahit. Kami di MySihat sebagai peneraju promosi kesihatan di negara ini telah berusaha dengan segala upaya dalam memastikan amanah yang diberikan dilaksanakan dengan sehabis baik. Mengharungi cabaran sepanjang tahun 2015 yang lalu diharap akan dapat menjadi pemangkin untuk MySihat terus berusaha dengan lebih gigih pada tahun 2016 ini.

Pada tahun 2015, beberapa kejayaan telah dilakar oleh MySihat dengan kerjasama strategik rakan-rakan NGO Kesihatan, jabatan serta agensi dengan menjalankan beberapa program kepada rakyat.

Tirai tahun 2015 yang lalu dibuka dengan MySihat terlibat secara proaktif membantu mangsa banjir besar melalui Kempen derma darah 'East Coast Relief Blood Donation Drive' untuk mengisi Tabung Bekalan Darah Pusat Darah Negara (PDN) pada 7 Januari 2015. Kempen anjuran bersama PDN, MySihat, Malaysian Resources Corporation Berhad, Temple of Fine Arts, Klinik Derma Sivasanta, Sri Satya Council dan Yayasan YAKIN itu diadakan di ruang legar kompleks beli-belah NU Sentral, dari 10 pagi hingga 9 malam. Kempen ini telah menerima sambutan di luar jangkaan dengan memperolehi lebih 600 unit pain darah, melebihi sasaran 500 unit.

Di samping itu, MySihat juga telah melaksanakan pelbagai program yang memberi tumpuan untuk meningkatkan kualiti kesihatan masyarakat menerusi penglibatan NGO Kesihatan di setiap negeri melalui pelbagai instrumen seperti sukan dan rekreasi, kebudayaan dan sebagainya.

Pelbagai inisiatif juga telah dilaksanakan MySihat untuk membantu masyarakat agar dapat mengubah persepsi, sikap dan perilaku terhadap kesihatan mereka. Antara program berkaitan yang mendapat sambutan hangat pada tahun 2015 adalah Program 'Jom Kurus Cabaran 24 Minggu'. Program ini yang julung kalinya dilaksanakan MySihat telah dapat menghimpunkan seramai 500 orang peserta dari Lembah Klang hingga Seremban. Program ini mendapat kerjasama padu daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, Persatuan Dietitian Malaysia dan Persatuan Fisioterapi Malaysia.

Terlekat Banir Pepohon Tinggi,
Mendayung Perahu Menolak Rumpai,
Saat Berakhir Setahun Pergi,
Lembayung Baru Menyelak Tirai



*Dr. Manimaran A/L Krishnan
CEO MySihat*

Untuk pengetahuan semua, terdapat pelbagai program dan aktiviti lagi yang telah dijalankan oleh MySihat pada tahun 2015 antaranya program 'Jom Jalan Kaki Ke Masjid', Karnival Kesihatan Di Beberapa Buah Negeri, "3rd Smoke Free Asean Regional Workshop And The Summit Of Smoke Free" di Filipina, Kolaborasi Bersama RTM, Sambutan Hari Tembakau Kebangsaan, "Program Search & Destroy Denggi" dengan kerjasama UKM Serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Lembah Klang, Konvensyen NGO Promosi Kesihatan MySihat 2015, lawatan Ke Thai Health, 2nd Regional Smoke-free Workshop On World Heritage Sites & Cities dan banyak lagi . ini adalah usaha yang murni dan komited daripada MySihat dan rakan kongsi untuk menerajui dan bersama-sama dalam usaha mempromosikan kesihatan yang terbaik untuk rakyat malaysia.

Kami berdoa dan sepakat ia dikekalkan, diperbaiki, dan ditambah nilai supaya pencapaian tahun 2016 ini akan lebih cemerlang dan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan negara.

"Selamat Tahun Baru 2016"